 - Membawa **hujan lebat** ke kawasan yang menghadap Laut China Selatan seperti pantai timur Semenanjung Malaysia, kawasan barat Sarawak
- Angin Monsun Barat Daya**
 - Bertiup dari pertengahan bulan **Mei** hingga akhir bulan **September**
 - Bermula dari Benua Australia
 - Pada masa ini, Benua Australia mengalami musim sejuk dan tekanan udara tinggi, manakala Benua Asia mengalami musim panas dan tekanan udara rendah
 - Udara bergerak dari Benua Australia dan merentasi Lautan Hindi serta membias menjadi angin Monsun Barat Daya selepas merentasi Garisan Khatulistiwa
 - Membawa hujan sederhana lebat kerana terhalang oleh kawasan tanah tinggi di Pulau Sumatera (Indonesia)
 - Angin Sumatera**
 - Bertiup dari bulan April hingga Mei dan September hingga Oktober
 - Berasal dari Pulau Sumatera
 - Membawa hujan lebat yang disertai kilat dan petir ke kawasan antara Pelabuhan Klang hingga Johor Bahru
 - Angin tempatan**
 - Bayu laut** berlaku pada waktu siang di kawasan berhampiran pantai
 - Bayu darat** berlaku pada waktu malam di kawasan berhampiran pantai

4.2 Pengaruh Cuaca dan Iklim terhadap Kegiatan Manusia di Malaysia

- Keadaan cuaca dan iklim di Malaysia menggalakkan pelbagai jenis kegiatan ekonomi dijalankan.
- Iklim Khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun dengan suhu 27°C dan hujan 2 600 mm sesuai untuk **penanaman** pelbagai jenis tanaman seperti padi, getah, kelapa sawit, lada hitam dan nanas.
- Suhu yang sederhana, iaitu 18°C di kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highlands dan Kundasang menggalakkan penanaman teh, sayur-sayuran dan bunga-bunga hawa sederhana.
- Nelayan di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak turun ke laut untuk **menangkap ikan** semasa tiupan angin Monsun Timur Laut kerana **laut bergelora**.
- Mereka membaiki pukat, jala dan bot pada musim tersebut.

Skala dan Jarak

1.1 Skala

Buku Teks ms. 4

1. Apakah yang dimaksudkan dengan skala?

SP

1.1.1 Skala ialah nisbah jarak di atas peta berbanding dengan jarak sebenar di atas permukaan bumi.

TUTORIAL





Skala

TP 1

2. Nyatakan jenis-jenis skala yang ditunjukkan di bawah.

SP

1.1.1

| Skala | Jenis skala |
|---|-------------------|
| (a) 1 cm mewakili 2 km | Skala penyata |
| (b) 1 : 50 000 | Pecahan wakilan |
| (c)  | Skala lurus mudah |
| (d)  | Skala lurus penuh |

TP 2

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

SP

1.1.2





- (a) Skala penyata dinyatakan dalam bentuk ayat atau pernyataan.
- (b) Skala lurus berbentuk satu garisan lurus yang dibahagikan kepada beberapa bahagian yang sama jaraknya.
- (c) Skala lurus terbahagi kepada dua, iaitu skala lurus mudah dan skala lurus penuh.
- (d) Pecahan wakilan dinyatakan dalam bentuk nisbah.

TP 2

4. Nyatakan ukuran bagi skala di bawah.

SP

1.1.2

- (a)  \Rightarrow 1 cm di atas peta mewakili 1 km di atas permukaan bumi.
- (b)  \Rightarrow 1 cm di atas peta mewakili 2.5 km di atas permukaan bumi.
- (c)  \Rightarrow 1 cm di atas peta mewakili 1.5 km di atas permukaan bumi.
- (d)  \Rightarrow 1 cm di atas peta mewakili 1 km di atas permukaan bumi.

1.2 Jarak

NOTA

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan jarak?

SP
1.1.1

Jarak ialah ukuran jauh di antara satu tempat dengan tempat yang lain.

(b) Nyatakan **dua** jenis jarak.

TP 1

(i) Jarak mutlak

(ii) Jarak relatif

6. Nyatakan sama ada **Jarak mutlak** atau **Jarak relatif** pada pernyataan di bawah.

TP 1

SP
1.1.1

(a) Jarak dari Kota Kinabalu ke Kudat ialah 190 km.



Jarak mutlak

(b) Perjalanan dari Mersing ke Kuantan dengan kereta mengambil masa 2 jam 50 minit.



Jarak relatif

(c) Hazimah berjalan sejauh 800 meter ke sekolah setiap hari.



Jarak mutlak

(d) Tambang teksi dari Kuala Perlis ke Alor Setar ialah RM77.00 sehala.



Jarak relatif

(e) Rumah Prakash terletak 350 meter dari rumah Jasmin.



Jarak mutlak

(f) Natasha mengambil masa selama 10 minit untuk ke pasar pagi yang terletak di kawasan perumahannya.



Jarak relatif

(g) Masa perjalanan dari Kuching ke Pulau Pinang melalui kapal terbang ialah 2 jam 15 minit.



Jarak relatif

(h) Bukit Mahkota Cheras terletak 13.2 km dari Pekan Semenyih.



Jarak mutlak

7. Bezakan antara jarak mutlak dengan jarak relatif.

TP 2

SP
1.1.2


| Jarak mutlak | Jarak relatif |
|---|--|
| (a) <u>Tetap dan tidak berubah</u> | (a) <u>Tidak tetap dan berubah-ubah</u> |
| (b) <u>Dinyatakan dalam unit meter atau kilometer</u> | (b) <u>Diukur berdasarkan kos dan masa</u> |

1.3 Menentukan Jarak Sebenar Menggunakan Skala

TP 3

8. Tunjukkan cara mengukur jarak sebenar dari sekolah ke pejabat pos.

SP
1.1.3




NOTA
eP+

- (a) Jarak di atas peta di antara sekolah dengan pejabat pos ialah 5 cm.
- (b) Skala peta ialah 1 : 100 000, bermakna 1 cm mewakili 1 km.
- (c) Jarak sebenar di antara sekolah dengan pejabat pos ialah 5 cm × 1 km = 5 km.

9. Tunjukkan cara mengukur jarak sebenar Sungai Jeras dari titik X ke titik Y.

TP 3


SP
1.1.3



- (a) Jarak di atas peta di antara titik X dengan titik Y ialah 7 cm.
- (b) Skala peta ialah 1 cm mewakili 2 km.
- (c) Jarak sebenar Sungai Jeras dari titik X ke titik Y ialah 7 cm × 2 km = 14 km.


10. Tentukan jarak sebenar berdasarkan pernyataan dan skala yang diberi.


TP 4

| Pernyataan | Skala | Jarak sebenar |
|--|--|--|
| (a) Jarak di antara rumah Hui Lin dengan hospital ialah 5.6 cm di atas peta. | 1 : 200 000 | $\frac{5.6}{100000} \text{ km} = 0.000056 \text{ km} = 5.6 \text{ cm} \times \frac{2}{100000} = 13.2 \text{ km}$ |
| (b) Jarak dari masjid ke rumah Firdaus ialah 4.2 cm di atas peta. | 1 cm mewakili 500 meter | $4.2 \text{ cm} \times \frac{0.5}{1} \text{ km} = 2.1 \text{ km}$ |
| (c) Jarak balai raya dari rumah Alleza ialah 3.0 cm di atas peta. |  | $3.0 \text{ cm} \times \frac{1.5}{1} \text{ km} = 4.5 \text{ km}$ |

11. Berdasarkan peta lakar di bawah, tentukan jarak sebenar tempat-tempat yang dinyatakan menggunakan jenis skala yang berbeza.

TP 4



| Pernyataan | Jarak sebenar |
|---|--|
| <p>Skala </p> | |
| (a) Jarak dari simpang empat Kg. Keda ke pejabat pos. | $7.5 \text{ cm} \times 1 \text{ km} = 7.5 \text{ km}$ |
| <p>Skala: 1 : 50 000</p> | |
| (b) Panjang Sungai Keda dari titik X ke titik Y. | $9 \text{ cm} \times 0.5 \text{ km} = 4.5 \text{ km}$ |
| <p>Skala: 1 cm mewakili 3 km</p> | |
| (c) Jarak lurus dari balai polis ke simpang jalan Pekan Serai. | $8.8 \text{ cm} \times 3 \text{ km} = 26.4 \text{ km}$ |

VIDEO



Skala dan Jarak

1.4 Menentukan Jarak Sebenar Berpandukan Skala pada Peta


12. Berdasarkan peta lakar di bawah, tentukan jarak sebenar antara tempat-tempat yang dinyatakan menggunakan nisbah skala yang berbeza.

SP
1.1.4

TP 5

KBAT
Mengaplikasi

MAHIR UASA




| Pernyataan | Jarak di atas peta | Jarak sebenar | |
|---|--------------------|------------------------------|-----------------------|
| | | Skala: 1 cm mewakili 2 km | Skala: 1 : 20 000 |
| (a) Jarak dari hospital ke balai polis mengikut jalan raya. | 11 cm | 22 km | 2.2 km |
| (b) Jarak lurus dari Kg. Mesra ke jambatan. | 5 cm | 10 km | 1 km |
| | | Skala: 1 cm mewakili 2 km | Skala: 1 : 100 000 |
| (c) Jarak hospital dari masjid mengikut jalan raya. | 6.5 cm | 13 km | 6.5 km |
| (d) Jarak lurus dari jambatan ke sekolah. | 4 cm | 8 km | 4 km |
| | | Skala: 1 cm mewakili 2 km | Skala: 1 : 150 000 |
| (e) Jarak lurus dari masjid ke simpang empat Pekan Senyum. | 6.8 cm | 13.6 km | 10.2 km |
| (f) Panjang Sungai Merab dari titik X ke titik Y. | 6 cm | 12 km | 9 km |

13. Tangkapan skrin Google Map di bawah menunjukkan jarak di antara Taiping dengan Ipoh (Perak).

SP 1.1.4 Jawab soalan-soalan yang berikutnya berdasarkan Google Map yang diberi.

TP 6

KBAT Menganalisis



(Sumber: <https://www.google.com/maps>)

(a) Berdasarkan *Google Map* di atas, berapakah jarak mutlak Ipoh dari Taiping?

67.2 km

(b) Terdapat beberapa pilihan cara perjalanan dari Taiping ke Ipoh.

KBAT EKSTRA



| Cara perjalanan | Jarak | Masa |
|--------------------------|---------|-----------------|
| Memandu kereta | 67.2 km | 59 minit |
| Menaiki bas | 67.2 km | 1 jam 9 minit |
| Menaiki kereta api (ETS) | 36 km | 45 minit |
| Berjalan kaki | 82.9 km | 18 jam 48 minit |

(i) Berdasarkan pilihan tersebut, yang manakah cara perjalanan pilihan anda?

Terima jawapan murid yang munasabah

(ii) Mengapakah anda memilih cara pengangkutan tersebut? Berikan alasan anda.

Terima jawapan murid yang munasabah




PRAKTIS REFLEKSI

BAB 1

1. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

(a) Skala lurus



1 : 500 000

(b) Pecahan wakilan

1 : 100 000

1 cm mewakili 1 km

(c) Skala penyata



1 cm mewakili 500 m

2. Padankan pernyataan di bawah dengan jenis jarak yang betul dengan menulis **A** dan **B** pada petak yang disediakan.

| | |
|----------|---------------|
| A | Jarak mutlak |
| B | Jarak relatif |

(a) Jarak yang dinyatakan dalam unit meter dan kilometer.

A

(b) Jarak yang berubah-ubah mengikut jenis pengangkutan.

B

(c) Jarak yang diukur dari segi kos dan masa.

B

(d) Jarak yang tetap dan tidak berubah.

A


(e) Jarak dari Johor Bahru ke Melaka ialah 218 km.

A

(f) Tambang bas dari Kota Kinabalu ke Sipitang ialah RM25.00.

B

3. Jawab soalan-soalan yang berikutnya berdasarkan peta lakar di bawah.



(a) Ukur jarak sebenar di antara kedua-dua tempat berikut mengikut jalan raya.

(i) Sekolah dengan balai polis

13.4 km

(ii) Hospital ke pejabat daerah

11.2 km

(b) Ukur jarak sebenar Sungai Segar dari titik X ke titik Y menggunakan benang.

10 km

(c) Ukur jarak lurus di antara sekolah dengan rumah Raihan menggunakan jangka tolak.

8 km

KUIZ GAMIFIKASI



Bab 1


Pengangkutan di Malaysia

5.1 Pengangkutan Darat di Malaysia

Buku Teks ms. 72 – 75

1. Namakan lebuh raya yang ditandakan pada peta di bawah.

SP
3.1.1



MALAYSIA

| | | | |
|-----------|-------------------------|-----------|------------------------|
| L1 | Lebuhraya Utara-Selatan | L3 | Lebuhraya Pantai Timur |
| L2 | Lebuhraya Timur-Barat | L4 | Lebuhraya Pan Borneo |

TP 1

PETA
POWERPOINT

2. Namakan terminal kereta api yang ditandakan pada peta di bawah.

SP
3.1.1



MALAYSIA

| | | | |
|-----------|--------------|-----------|-------------|
| T1 | Padang Besar | T4 | Tumpat |
| T2 | Kuala Lumpur | T5 | Tenom |
| T3 | Gemas | T6 | Tanjung Aru |

TP 1

5.2 Pengangkutan Udara dan Air di Malaysia

3. Namakan lapangan terbang antarabangsa yang ditandakan pada peta di bawah.

TP 1

SP
3.1.2



MALAYSIA

| | |
|-----------|---|
| A1 | Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi |
| A2 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur |
| A3 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching |
| A4 | Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu |

4. Namakan pelabuhan yang ditandakan pada peta di bawah.

TP 1

SP
3.1.2



MALAYSIA

| | | | |
|-----------|------------------------|-----------|---------------------------|
| P1 | Pelabuhan Pulau Pinang | P3 | Pelabuhan Tanjung Pelepas |
| P2 | Pelabuhan Klang | P4 | Pelabuhan Bintulu |

5.3 Pengangkutan Awam di Malaysia

5. Lengkapkan rajah di bawah dengan jenis-jenis pengangkutan awam di Malaysia.

SP
3.1.3



6. Berdasarkan maklumat dalam rajah di atas, nyatakan jenis pengangkutan awam yang akan anda pilih untuk ke tempat-tempat yang berikut. Berikan alasan anda.

SP
3.1.3

KBAT
Mengaplikasi

TP 3

(a) Kuala Lumpur ke Butterworth

- Jenis pengangkutan yang dipilih: ETS
- Alasan: Dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas, tidak perlu membayar tol

(b) Kuching ke Kota Kinabalu

- Jenis pengangkutan yang dipilih: Kapal terbang
- Alasan: Menjimatkan masa perjalanan, cara perjalanan yang paling mudah

(c) Kuantan ke Kota Bahru

- Jenis pengangkutan yang dipilih: Kereta / Bas
- Alasan: Boleh bergerak pada bila-bila masa / Perjalanan cepat melalui Lebuhraya Pantai Timur

5.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Jaringan Pengangkutan di Malaysia

7. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan di Malaysia.

SP
3.1.4

TP 2



(a)



Tanah pamah

Keadaan tanah tamah yang rata dan rendah sesuai untuk pembinaan jaringan pengangkutan seperti lapangan terbang dan lebuh raya.

(b)



Kemajuan teknologi

Pembinaan terowong SMART menggunakan teknologi tinggi yang membolehkannya berfungsi sebagai saluran air dan laluan kenderaan.

(c)

ECRL
East Coast Rail Link

Dasar kerajaan

Kerajaan memperuntukkan RM55 bilion untuk pelaksanaan projek ECRL yang menghubungkan Lembah Klang ke pantai timur Semenanjung Malaysia.

(d)



Sumber mineral

Jaringan pengangkutan diperlukan untuk memudahkan kerja penghantaran bahan, pemprosesan dan pemasaran sumber mineral.

(e)



Tanah tinggi

Jaringan pengangkutan adalah kurang di kawasan tanah tinggi kerana melibatkan kos pembinaan yang tinggi.

5.5 Kepentingan Pengangkutan Darat, Udara dan Air di Malaysia

8. Lengkapkan pernyataan di bawah tentang kepentingan pengangkutan darat, udara dan air di kawasan setempat.

SP
3.1.5

TP 4

| Jenis pengangkutan | Kepentingan |
|------------------------|--|
| (a) Pengangkutan darat | <p>(i) Memudahkan <u>mobiliti penumpang</u> dan mempercepatkan proses <u>mengangkut bahan mentah</u> ke kilang melalui Lebuhraya Utara-Selatan.</p> <p>(ii) Membangunkan <u>bandar satelit</u> yang menyokong bandar raya berhampiran serta sesuai dijadikan kawasan <u>kediaman</u> dan <u>perindustrian</u>, contohnya Petaling Jaya.</p> <p>(iii) Mempertingkatkan <u>darjah ketersampaian</u> dengan menghubungkan kawasan pedalaman seperti Jeli dan Grik melalui <u>Lebuhraya Timur-Barat</u>.</p> <p>(iv) Perkhidmatan kereta api <u>kargo</u> oleh KTMB dapat meningkatkan urusan <u>perniagaan</u> dan <u>perdagangan</u>.</p> <p>(v) Membangunkan wilayah <u>koridor ekonomi</u> dengan menarik <u>pelabur asing</u> serta memberi tumpuan kepada <u>pelabur tempatan</u>, contohnya Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).</p> <p>(vi) Membangunkan kawasan sekitar dengan pembinaan <u>petempatan baharu</u> dan memajukan <u>kegiatan ekonomi</u>, contohnya Bandar Baru Nilai yang berkembang akibat pembinaan <u>lebuhraya</u> antara Kuala Lumpur dengan Seremban.</p> |
| (b) Pengangkutan udara | <p>(i) Menggalakkan <u>integrasi nasional</u> dengan menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.</p> <p>(ii) Meningkatkan <u>darjah ketersampaian</u> dengan membawa penumpang, mengangkut <u>barangan</u>, menggalakkan <u>pelancongan</u> serta menghubungkan kawasan <u>pedalaman</u> dengan bandar.</p> <p>(iii) <u>Menjimatkan</u> masa perjalanan.</p> |
| (c) Pengangkutan air | <p>(i) Mengangkut <u>barang pukal</u> dari kawasan <u>pedalaman</u> ke bandar, contohnya Sungai Rajang di Sarawak.</p> <p>(ii) Membawa penumpang ke destinasi <u>pelancongan</u>, contohnya perkhidmatan bot di Sungai Tembeling untuk membawa pelancong ke <u>Taman Negara</u>.</p> <p>(iii) Mengendalikan urusan <u>perdagangan</u>, iaitu import dan eksport dengan <u>negara luar</u>, contohnya Pelabuhan Klang.</p> <p>(iv) Kos pengangkutan lebih <u>murah</u> serta menyediakan ruang kargo yang lebih <u>luas</u> bagi mengangkut barang pukal.</p> |

5.6 Kepentingan Pengangkutan Awam di Malaysia

9. Senaraikan kepentingan pengangkutan awam di Malaysia.

SP

- 3.1.6
- Mengurangkan kesesakan lalu lintas
 - Mempertingkatkan darjah ketersampaian
 - Mengurangkan pencemaran udara
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - Mengurangkan kos pengangkutan
 - Memajukan industri pelancongan

10. Secara berpasangan, bincangkan kelemahan sistem pengangkutan awam di Malaysia. Kemudian, cadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia.

TP 5

Kelemahan pengangkutan awam di Malaysia:

KBAT

Menilai

- Bas awam yang tidak menepati waktu operasi atau tidak mengikut jadual perjalanan
- Kos atau tambang yang agak mahal, terutamanya teksi
- Kekurangan tempat letak kenderaan di stesen Komuter dan LRT menyebabkan orang ramai meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan
- Keadaan bas, teksi dan rel serta stesen-stesen yang kotor dan tidak terurus dengan baik

Cadangan langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia:

KBAT

Mencipta

- Memantapkan perkhidmatan bas-bas awam dengan menambahkan bilangan bas dan hentian serta laluan perjalanan bas
- Memastikan tambang pengangkutan awam adalah berpatutan supaya boleh digunakan penduduk yang berpendapatan rendah
- Menyediakan tempat letak kereta yang cukup di stesen LRT dan Komuter bagi mengurangkan kesesakan jalan raya
- Menaik taraf stesen-stesen yang lama, menggantikan bas-bas yang usang dengan bas-bas yang baharu

INFO



Kuala Lumpur Sentral

5.7 Amalan Pengangkutan Lestari

11. Nyatakan kepentingan sistem pengangkutan lestari.

SP
3.1.7

i-Think **Peta Buih**



CETUS IDEA



KBAT EKSTRA



AKTIVITI PAK-21

▶ Rotating Review

Tajuk: Amalan pengangkutan yang lestari

TP 6

Langkah-langkah:

1. Bahagikan kelas kepada empat hingga lima orang dalam satu kumpulan.
2. Secara berkumpulan, bincangkan amalan pengangkutan yang memberi kesan yang minimum terhadap alam sekitar.
3. Amalan yang dibincangkan haruslah dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengurangkan masalah pencemaran udara dan tidak membebankan pengguna.
4. Catatkan perbincangan kumpulan masing-masing di atas kertas sebak.
5. Paparkan kertas sebak tersebut di tempat kumpulan masing-masing.
6. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan lain untuk membuat penilaian hasil kerja setiap kumpulan.
7. Setiap kumpulan boleh membuat komen, idea tambahan atau persoalan pada kertas sebak berkenaan menggunakan pen yang berbeza.

Tahap Penguasaan Bab 5 TP1 TP2 TP3 TP4 TP5 TP6



1. Berdasarkan pernyataan yang diberi, tandakan (✓) pada jaringan pengangkutan yang betul.

(a) Menganjur dari Bukit Kayu Hitam di Kedah ke Johor Bahru di Johor.

- Lebuhraya Utara-Selatan
- Lebuhraya Persekutuan

| |
|---|
| ✓ |
| |

(b) Stesen persimpangan kereta api antara pantai timur dengan pantai barat Semenanjung Malaysia.

- Stesen Sentral Kuala Lumpur
- Stesen Kereta Api Gemas

| |
|---|
| |
| ✓ |

(c) Lapangan terbang antarabangsa di selatan Semenanjung Malaysia.

- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching

| |
|---|
| ✓ |
| |

(d) Pelabuhan yang terdiri daripada Northport dan Westport.

- Pelabuhan Pulau Pinang
- Pelabuhan Klang

| |
|---|
| ✓ |
| |

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

(a) Sistem Transit Bersepadu Lembah Klang terdiri daripada sistem kereta api yang beroperasi dan saling menghubungkan, iaitu KLIA _____ **Ekspres** _____, KLIA _____ **Transit** _____, MRT, _____ **LRT** _____, KTM Komuter dan KL Monorel.

(b) KTMB turut menyediakan perkhidmatan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia, iaitu Perkhidmatan _____ **Tren Elektrik** _____ dan KTM _____ **Antarabandar** _____.

(c) Terowong _____ **SMART** _____ dibina untuk menangani masalah _____ **banjir kilat** _____ dan mengurangkan _____ **kesesakan lalu lintas** _____ di Kuala Lumpur.

(d) Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah di Pulau Pinang merupakan jambatan yang _____ **terpanjang** _____ di Malaysia.

3. Tandakan (✓) pada kepentingan pengangkutan darat kepada pembangunan negara.

- (a) Mengurangkan darjah ketersampaian
- (b) Meningkatkan sektor perniagaan
- (c) Membangunkan bandar satelit
- (d) Mengurangkan pencemaran udara
- (e) Menarik pelabur asing

| |
|---|
| |
| ✓ |
| ✓ |
| |
| ✓ |

4. Lengkapkan pernyataan di bawah tentang amalan pengangkutan lestari.

- (a) Penggunaan kereta _____ **elektrik** _____ atau _____ **hibrid** _____
- (b) Berkongsi _____ **kereta** _____
- (c) Penggunaan pengangkutan _____ **awam** _____

KUIZ
GAMIFIKASI



Bab 5

MODUL UASA

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1

Bab 1 – Bab 2

74 – 79

UJIAN 2

Bab 3 – Bab 4

80 – 85

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)

Bab 1 – Bab 5

86 – 96

UJIAN 3

Bab 5 – Bab 6

97 – 102

UJIAN 4

Bab 7 – Bab 8

103 – 108

UJIAN 5

Bab 9 – Bab 10

109 – 113

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)

Bab 1 – Bab 10


114 – 124

*Latihan
ke arah
kecemerlangan*



BAHAGIAN B

Soalan 1 berdasarkan peta lakar berikut.



1. (a) Apakah jenis skala yang digunakan dalam peta tersebut?

BAB 1
Buku Teks
ms. 4

Skala nyata

Aras R Mengingat [1 markah]

(b) Tukarkan skala dalam peta tersebut kepada pecahan wakilan.

BAB 1
Buku Teks
ms. 4

1 : 100 000

Aras R Mengingat [1 markah]

(c) Dengan menggunakan jangka tolak, nyatakan jarak lurus antara tempat-tempat yang berikut.

BAB 1
Buku Teks
ms. 10

(i) Masjid ke sekolah: 7 km

(ii) Balai raya ke masjid: 4.8 km

(iii) Pejabat pos ke hospital: 3.7 km

(iv) Hospital ke sekolah: 4.3 km

Aras S Mengaplikasi [8 markah]

(d) Tentukan jarak sebenar tempat-tempat berikut dari simpang empat Pekan Delima mengikut jalan raya.

BAB 1
Buku Teks
ms. 12

(i) Masjid: 4.5 km

(ii) Sekolah: 4 km

Aras S Mengaplikasi [4 markah]


(e) Jika tambang bas ialah RM0.50 per kilometer, kirakan tambang yang perlu dibayar untuk perjalanan yang berikut.

(i) Pejabat pos ke sekolah: 6.2 km × RM0.50 = RM3.10

(ii) Hospital ke masjid: 7 km × RM0.50 = RM3.50

Aras T Mengaplikasi [6 markah]

Rujuk peta topografi yang disediakan untuk menjawab **Soalan 2**.
Petunjuk disediakan di halaman 79.



Peta asas diterbitkan dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia.
Hak Cipta Kerajaan Terpelihara

2. (a) Kirakan jarak jalan raya dari jambatan batu (RG 233093) ke penghujung jalan di utara peta (RG 232130).

3.8 km

Aras R Mengaplikasi [2 markah]

- (b) Berikan rujukan grid 6 angka bagi stesen trigonometri Langaris.

RG 212091

Aras R Mengaplikasi [2 markah]

BAB 2
Buku Teks
ms. 23

(c) Nyatakan **tiga** ciri pandang darat fizikal yang terdapat di kawasan peta.

Hutan

Sungai

Rumput

Aras R Mengingat [3 markah]

(d) Apakah ciri pandang darat budaya yang terdapat di RG 2507?

BAB 2
Buku Teks
ms. 23


Padi / Kelapa

Petempatan

Jalan tidak berturap

Aras R Mengingat [3 markah]

(e) Soalan (e) berdasarkan segi empat grid berikut.



Apakah ciri pandang darat budaya paling utama yang terdapat dalam segi empat grid di atas dan sebab diusahakan?

Kelapa sawit

Tanah beralun /tanah laterit yang sesuai untuk tanaman kelapa sawit

Saliran air yang baik untuk pengairan

Kemudahan pengangkutan untuk mengangkut hasil pertanian

Aras S Menganalisis [4 markah]

(f) Senaraikan kegiatan ekonomi yang dijalankan di kawasan selatan Garisan Utaraan 08.

Pertanian (padi, kelapa, kelapa sawit)

Perkhidmatan (klinik, balai raya)

Pengangkutan

Aras R Mengingat [3 markah]

(g) Apakah faktor-faktor yang menggalakkan kegiatan ekonomi yang anda nyatakan di (f)?

Tanah beralun

Jaringan pengangkutan

Tenaga buruh yang ramai

(Terima jawapan murid yang munasabah)

Aras S Menganalisis [3 markah]

Rujuk peta topografi yang disediakan untuk menjawab **Soalan 3**.
 Petunjuk disediakan di halaman 79.



Peta asas diterbitkan dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia.
 Hak Cipta Kerajaan Terpelihara

3. (a) Kirakan panjang jalan raya kembar dari RG 400010 ke RG 370031.

4.0 km / 4.05 km

Aras R Mengaplikasi [2 markah]

(b) Berdasarkan rujukan grid 4 angka, nyatakan Garisan Timuran dan Garisan Utaraan bagi sekolah di Kg. Simpang Lima.

BAB 2
 Buku Teks
 ms. 19

Garisan Timuran: 40

Garisan Utaraan: 01


Aras R Mengaplikasi [2 markah]

(c) Apakah ciri pandang darat budaya yang terletak di RG 387023?

Tiang wayarles

Aras R Mengingat [2 markah]

(d) Soalan (d) berdasarkan segi empat grid berikut.



Nyatakan ciri pandang darat fizikal yang terdapat dalam segi empat grid tersebut dan kepentingannya.

Hutan

Habitat pelbagai jenis flora dan fauna

Keseimbangan ekosistem

Sumber perubatan tradisional

Membekalkan sumber bahan mentah

Aras S Menganalisis [4 markah]

(e) (i) Apakah tanaman paling utama diusahakan di kawasan peta?

Padi

Aras R Mengingat [1 markah]

(ii) Mengapakah tanaman tersebut sesuai diusahakan di kawasan peta?

Tenaga pekerja yang ramai

Bentuk muka bumi yang rendah dan rata

Kemudahan pengangkutan untuk mengangkut hasil

Aras S Menganalisis [3 markah]

(f) Apakah pola petempatan yang paling utama di kawasan peta dan sebab wujud pola sedemikian?

Pola petempatan berjajar

Dibina sepanjang jalan raya untuk tahap ketersampaian tinggi

Dibina sepanjang parit untuk memudahkan kegiatan penanaman padi

Aras S Menganalisis [3 markah]

(g) Berikan **tiga** fungsi petempatan Kg. Sungai Hj. Durani.

Mempunyai kemudahan kesihatan seperti klinik

Mempunyai kemudahan pendidikan seperti sekolah

Mempunyai rumah ibadat seperti masjid

(Terima jawapan murid yang munasabah)

Aras S Menganalisis [3 markah]



PETUNJUK

CIRI BUATAN
JALAN RAYA

- Lebuhraya Kembar
- Lebuhraya Tunggal
- Jalan Raya Kembar
- Jalan Raya Tunggal
- Jalan Tidak Berturap
- Jalan Sedang Dibina
- Runut Kenderaan Bermotor
- Laluan Pejalan Kaki

JALAN KERETA API

- Kembar
- Tunggal
- Ringan Kembar
- Ringan Tunggal

CIRI BERKAITAN DENGAN JALAN RAYA DAN JALAN KERETA API

- Feri
- Penanda Kilometer
- Pembetung

Jambatan:

- 1. Batu 2. Besi 3. Kayu
- Jambatan Kereta Api
- Terowong
- 1. Jalan Raya Atas 2. Jalan Raya Bawah
- Lintasan Rata
- 1. Stesen 2. Perhentian

BANGUNAN

- Bandar Kawasan Tepubina
- Bangunan Teritlak
- Bangunan
- Masjid
- Gereja
- Tokong
- Kuil
- Wat
- Gurudwara

SEMPADAN

- Antarabangsa
- Maritim
- Negeri
- Bahagian/Jajahan
- Daerah
- Daerah Kecil
- Mukim
- Rizab
- 1. Tiang Sempadan 2. Tiang Sempadan dan Stesen Trigonometri

CIRI BUATAN LAIN DAN PELBAGAI BINAAN

- Talian Penghantar Elektrik
- Talian Telefon
- Talian Paip (Selain Daripada Air)
- Tembok Konkrit
- Pagar
- Kawasan Lombong
- Kuari
- Padang Terbang
- Lapang Sasar
- Perkuburan
- Stesen Satelit Bumi
- Tiang Wayarles
- Ciri Arkeologi/Sejarah
- Derik Minyak
- Rig Minyak
- Tangki (Selain Daripada Air)

TUMBUH-TUMBUHAN DAN TANAMAN

- Hutan Primer
- Hutan Sekunder, Belukar, Riung dan Jerami
- Rumput

TANAMAN

- Getah
- Kelapa Sawit
- Kelapa
- Pelbagai Tanaman Pokok Baka
- Pelbagai Tanaman Bukan Pokok Baka
- Padi Sawah

HIDROGRAFI
CIRI HIDROGRAFI SEMULA JADI

- Sungai
- Sungai (Tidak Tentu)
- Sungai Bawah Tanah
- Had Pasang Surut
- Penunjuk Haluan Arus: 1. Pasang Surut 2. Tidak Pasang Surut
- Garisan Pesisir
- Garisan Pesisir (Tidak Tentu)
- 1. Air Terjun/Lata 2. Jeram/Riam/Cegar/Teladas
- Tasik/Kolam/Takungan
- Tasik/Kolam/Takungan (Tidak Tentu)
- Air Panas
- Paya/Rawa/Rawang

CIRI HIDROGRAFI BUATAN

- Talian Paip Air
- Takungan Bekal
- Tangki Air
- Terusan/Tali Air/Parit

CIRI BERKAITAN DENGAN HIDROGRAFI

- Batuan
- 1. Pasir 2. Lumpur
- Jeti/Dermaga/Tembok Gelombang
- Empangan/Bendungan
- Rumah Api/Berup Suar/Boya Suar

RELIEF
CIRI RELIEF SEMULA JADI

- Kontur
- Garis Bentuk
- Tanah Runtuh
- Tanah Berjeda
- Cenuram/Cenuram Tegak
- Batuan Bonjol/Pacul

CIRI RELIEF BUATAN

- Benteng/Pemotongan

CIRI BERKAITAN DENGAN RELIEF

- 2187 G. Tahan
- 678
- ← 123.45
- .953
- Titik Ketinggian

SINGKATAN

- Alr. Alur
- B.P. Balai Polis
- B.R. Balai Raya
- Bkt. Bukit
- Disp. Dispensari
- Hosp. Hospital
- K. Kuala
- Kg. Kampung
- km Kilometer
- Ldg. Ladang
- P. Pulau
- P.P. Pejabat Pos
- P.P.T. Pejabat Pos Telegraf
- Pang. Pangkalan/Pengkalan
- Pdg. Padang
- Pmtg. Permatang
- Pt. Parit
- Sek. Sekolah
- S.K. Stesen Kastam
- S.Kc. Stesen Kajiucua
- Sg. Sungai
- T. Timur
- T.A. Tali Air
- Tg. Tanjung
- Tlk. Teluk
- U. Utara
- W.P. Wakil Pos

Masa: Dua jam

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Rajah 1 menunjukkan pergerakan bumi.




Rajah 1

Pergerakan bumi seperti dalam Rajah 1 menyebabkan kejadian

- A empat musim
- B siang dan malam
- C perihelion dan afelion
- D gerhana bulan dan matahari

2. Rajah 2 menunjukkan pergerakan bumi.



Rajah 2

Pilih pernyataan yang berkaitan dengan Rajah 2.


- A Bumi berputar pada paksinya mengikut pusingan jam
- B Satu pergerakan lengkap mengambil masa 365¼ hari
- C Menyebabkan kejadian air pasang dan air surut
- D Bumi bergerak dari timur ke barat

3. Antara yang berikut, yang manakah kesan peredaran bumi mengelilingi matahari?

- I Kejadian empat musim
- II Pembiasan angin lazim
- III Kejadian siang dan malam
- IV Fenomena gerhana bulan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4. Rajah 3 menunjukkan peredaran bumi mengelilingi matahari.



Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, pilih pernyataan yang betul tentang kedudukan bumi di P.

- I 24 jam siang di Kutub Utara
- II Musim panas di hemisfera utara
- III Waktu malam lebih panjang di hemisfera utara
- IV Siang dan malam sama panjang di semua tempat
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Pernyataan berikut merujuk kepada kesan peredaran bumi mengelilingi matahari.

- Matahari tengah hari tegak di atas kepala di Garisan Sarton
- Hemisfera utara mengalami musim panas

Apakah fenomena akibat pergerakan tersebut?

- A Ekuinoks musim bunga
- B Solstis musim panas
- C Ekuinoks musim luruh
- D Solstis musim sejuk

6. Gerhana bulan berlaku apabila

- A matahari berada di sebelah kanan bumi
- B bulan berada di antara matahari dengan bumi
- C bumi berada di antara matahari dengan bulan
- D matahari berada di antara bulan dengan bumi

7. Pernyataan yang manakah benar tentang iklim di Malaysia?

- A Panas dan kering sepanjang tahun
- B Panas dan lembap sepanjang tahun
- C Sejuk dan lembap sepanjang tahun
- D Sejuk dan kering sepanjang tahun

8. Apakah faktor yang mempengaruhi taburan hujan yang tidak sekata di Malaysia?

- I Kedudukan dari laut
 - II Ketinggian dari aras laut
 - III Tiupan angin monsun
 - IV Bentuk muka bumi
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9. Antara yang berikut, yang manakah ciri iklim di Malaysia?

- I Hujan tahunan kira-kira 2 600 mm
 - II Min suhu tahunan kurang daripada 18°C
 - III Mengalami satu musim kering yang nyata
 - IV Hujan maksimum pada musim peralihan monsun
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


10. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis angin di Malaysia.

- Bertiup dari November hingga Mac
- Membawa hujan lebat ke pantai timur Semenanjung Malaysia

Apakah angin tersebut?

- A** Bayu laut
B Angin Sumatera
C Angin Monsun Timur Laut
D Angin Monsun Barat Daya

11. Rajah 4 menunjukkan sejenis hujan.



Rajah 4

Apakah hujan tersebut?

- A** Hujan bukit
B Hujan siklon
C Hujan perolakan
D Hujan perenggan

12. Foto 1 menunjukkan sejenis tanaman di Malaysia.



Foto 1

Mengapakah tanaman tersebut sesuai ditanam di Cameron Highlands?

- A** Suhu sederhana, 18°C hingga 21°C
B Hujan tahunan kurang daripada 2 000 mm
C Mengalami satu musim kemarau yang nyata
D Mengalami musim tengkujuh pada bulan Mac hingga Mei

13. Foto 2 menunjukkan kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim.



Foto 2

Apakah punca utama kejadian yang ditunjukkan dalam Foto 2?

- A** Pembakaran hutan
B Kesyakan jalan raya
C Penghutanan semula
D Kegiatan pembalakan

14. Maklumat berikut merupakan kegiatan manusia yang memberi kesan terhadap cuaca dan iklim.

- Jalan-jalan berturap
- Bangunan konkrit
- Pelepasan asap oleh kenderaan


Punca-punca tersebut menyebabkan kejadian

- A** jerebu
B kemarau
C hujan asid
D pulau haba

BAHAGIAN A

1. Peta 1 menunjukkan lokasi lapangan terbang antarabangsa di Malaysia.

BAB 5
Buku Teks
ms. 77



Peta 1 Malaysia

Di manakah letaknya Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu?

- A I
B II
C III
D IV

Aras R Mengingat

2. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah betul tentang Pelabuhan Bintulu?

BAB 5
Buku Teks
ms. 79

- A Pintu masuk ke Semenanjung Malaysia
B Terminal kontena paling canggih di Malaysia
C Laluan tunggal eksport gas asli cecair negara
D Menyediakan perkhidmatan penyimpanan kargo berbahaya

Aras S Mengingat

3. Pernyataan berikut merujuk kepada lebuh raya di Malaysia.

BAB 5
Buku Teks
ms. 72

Menganjur dari Bukit Kayu Hitam di Kedah ke Johor Bahru di Johor.

Apakah lebuh raya tersebut?

- A Lebuhraya Karak
B Lebuhraya Timur-Barat
C Lebuhraya Persekutuan
D Lebuhraya Utara-Selatan

Aras R Mengingat

4. Apakah stesen persimpangan landasan kereta api antara pantai barat dengan pantai timur Semenanjung Malaysia?

BAB 5
Buku Teks
ms. 74

- A Gemas
B Tumpat
C Seremban
D Kuala Lumpur

Aras R Mengingat

5. Mengapakah terowong SMART dibina di Kuala Lumpur?

BAB 5
Buku Teks
ms. 82

- I Menghubungkan kawasan pedalaman
II Mengurangkan kesesakan lalu lintas
III Menangani masalah banjir kilat
IV Meningkatkan sektor perniagaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menganalisis

6. Mengapakah jaringan jalan raya di Sarawak lebih tertumpu di sepanjang pantai?

BAB 5
Buku Teks
ms. 81

- A Kawasan pedalaman bertanah tinggi
B Mudah memperoleh bahan binaan
C Banyak kawasan pelancongan
D Kawasan pedalaman berpayau

Aras S Menganalisis

7. Apakah kepentingan pengangkutan udara kepada pembangunan negara?

BAB 5
Buku Teks
ms. 84

- I Membangunkan bandar satelit
II Mengurangkan peluang pekerjaan
III Meningkatkan darjah ketersampaian
IV Menggalakkan integrasi nasional
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Memahami

8. Foto 1 menunjukkan sejenis pengangkutan awam di Malaysia.

BAB 5
Buku Teks
ms. 85



Foto 1

Mengapakah pengangkutan awam tersebut diperkenalkan di kawasan bandar?

- A Mengangkut barangan pukal
B Mengurangkan kos perjalanan
C Mengurangkan kesesakan lalu lintas
D Memudahkan pergerakan pelancong

Aras S Menganalisis

9. Mengapakah sistem pengangkutan yang lestari perlu diamalkan di Malaysia?

BAB 5
Buku Teks
ms. 86

- I Meningkatkan kos bahan api
II Meminimumkan kemusnahan alam
III Mengurangkan kesesakan lalu lintas
IV Meningkatkan pelepasan bahan pencemar
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menganalisis

10. Antara yang berikut, yang manakah amalan pengangkutan lestari?

BAB 3
Buku Teks
ms. 86-87

- A Penggunaan kereta sendiri
B Penggunaan petrol berplumbum
C Penggunaan pacuan empat roda
D Penggunaan pengangkutan awam

Aras S Memahami

- 11.** Stesen satelit bumi yang pertama di Malaysia dibina di
- A** Pulau Langkawi
 - B** Cyberjaya
 - C** Kuantan
 - D** Sematan

BAB 6
Buku Teks
ms. 93

Aras R Mengingat

- 12.** Foto 2 menunjukkan alat telekomunikasi yang terdapat di Malaysia.




Foto 2

Bagaimanakah alat telekomunikasi dalam Foto 2 penting dalam sektor ekonomi di Malaysia?

- A** Mengeratkan hubungan pekerja dengan majikan
- B** Memudahkan pengambilan pekerja asing
- C** Memperluaskan pasaran barangan
- D** Meningkatkan imigrasi penduduk

Aras T Menilai

- 13.** Bagaimanakah kemajuan telekomunikasi membantu dalam pembangunan ekonomi Malaysia?

BAB 6
Buku Teks
ms. 96

- A** Meluaskan perdagangan antarabangsa
- B** Meningkatkan kemahiran pekerja
- C** Meningkatkan taraf kesihatan pekerja
- D** Mempercepatkan kemasukan buruh asing

Aras S Menilai

- 14.** Apakah kepentingan sistem telekomunikasi moden dalam membangunkan masyarakat Malaysia?

BAB 6
Buku Teks
ms. 96

- A** Meningkatkan kualiti pendidikan
- B** Meningkatkan perpaduan dalam keluarga
- C** Menyediakan pekerjaan berpendapatan lumayan
- D** Meningkatkan mobiliti penduduk

Aras S Menganalisis

- 15.** Perkhidmatan teleperubatan telah dilaksanakan di beberapa hospital di Malaysia yang bertujuan untuk

- A** memberi rawatan percuma
- B** mengurangkan kos perubatan
- C** memberi rawatan terbaik kepada pesakit
- D** menggalakkan perkongsian kepakaran doktor

Aras S Memahami

- 16.** Pernyataan yang manakah betul tentang e-dagang?

BAB 6
Buku Teks
ms. 97

- A** Meramal cuaca dengan lebih terperinci
- B** Membekalkan imej data yang lebih jelas
- C** Menyediakan perkhidmatan telefon talian tetap
- D** Perkhidmatan dan jual beli dilakukan atas talian

Aras S Memahami

- 17.** Alat telekomunikasi yang manakah berkaitan dengan maklumat berikut?

BAB 6
Buku Teks
ms. 94

Menyalurkan informasi dan memindahkan arus data dalam dunia jaringan komputer

- A** Kabel fiber optik
- B** Telefon pintar
- C** Jalur lebar
- D** Satelit

Aras S Memahami

- 18.** Apakah kesan negatif penyalahgunaan alat telekomunikasi terhadap manusia?

BAB 6
Buku Teks
ms. 98

- I Meningkatkan kos hidup
- II Mengurangkan peluang pekerjaan
- III Penyebaran maklumat yang tidak tepat
- IV Pencurian maklumat peribadi atas talian

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

Aras S Menilai

- 19.** Amalan manakah yang menepati penggunaan alat telekomunikasi secara beretika?

BAB 6
Buku Teks
ms. 99

- I Elakkan menyentuh isu sensitif
- II Melakukan aktiviti plagiat
- III Mendedahkan hal peribadi kepada umum
- IV Mengenal pasti kesahihan sesuatu berita sebelum berkongsi

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

Aras S Memahami

- 20.** Apakah kesan perkembangan telekomunikasi terhadap pembangunan negara?

BAB 6
Buku Teks
ms. 97

- A** Urusan perbankan hanya dijalankan di bank
- B** Mewujudkan banyak peluang pekerjaan
- C** Merumitkan sistem pembelajaran
- D** Memudahkan aktiviti plagiat

Aras S Menilai

BAHAGIAN B

1. (a) Nyatakan jaringan pengangkutan di Malaysia.

BAB
5
Buku Teks
ms. 70

Jalan raya/lebuhraya

Landasan kereta api

Lapangan terbang antarabangsa

Pelabuhan

Aras R Mengingat [3 markah]

- (b) Berikan
- dua**
- lapangan terbang antarabangsa di Semenanjung Malaysia.

BAB
5
Buku Teks
ms. 76

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai

Aras R Mengingat [2 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan pengangkutan dalam Foto 1 kepada pembangunan negara.

BAB
5
Buku Teks
ms. 84

Foto 1

Mengendalikan urusan perdagangan import dan eksport dengan luar negara

Mengangkut barangan pukal dengan kos yang lebih murah

Aras S Menganalisis [2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, apakah kesan perkembangan pengangkutan di Malaysia terhadap alam sekitar?

Pertambahan kenderaan di kawasan bandar menghasilkan pencemaran udara.

Proses pemotongan, penarahan dan penerasan bukit untuk membina lebuhraya menyebabkan kejadian hakisan dan tanah runtuh di lereng-lereng bukit.

Tumpahan minyak dari kapal laut menyebabkan pencemaran laut.

Aras T Menilai [3 markah]

2. (a) Namakan alat telekomunikasi yang ditunjukkan dalam Foto 2.

BAB
6
Buku Teks
ms. 92

P



Q

Foto 2



R

P: Mesin faks

Q: Telefon pintar

R: Satelit

Aras R Mengingat [3 markah]

(b) Nyatakan **tiga** kepentingan telekomunikasi kepada penduduk Malaysia.

BAB 6
Buku Tekst
ms. 96

Dapat berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia dengan mudah

Pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan mudah dengan melayari Internet

Urusan perbankan atas talian membolehkan kita menguruskan wang dengan mudah

Aras S Menyalis [3 markah]

(c) Bagaimanakah anda menggunakan alat telekomunikasi secara beretika?

BAB 6
Buku Tekst
ms. 99

Tidak mendedahkan hal peribadi kepada umum

Bersopan santun sewaktu berkomunikasi

Tidak menyentuh isu-isu sensitif

Menggunakan alat telekomunikasi untuk hal-hal yang bermanfaat

Aras S Menilai [4 markah]

Foto 3 menunjukkan stesen satelit bumi pertama di Malaysia yang dibina di Kuantan, Pahang.



Foto 3

3. (a) Selain Kuantan, berikan **tiga** lokasi satelit bumi di Malaysia.

BAB 6
Buku Tekst
ms. 93

Alor Gajah, Melaka

Sematan, Sarawak

Cyberjaya, Selangor

Aras R Mengingat [3 markah]

(b) Nyatakan tujuan utama pembinaan satelit bumi.

Meningkatkan hubungan telefon

Meningkatkan siaran televisyen antarabangsa

Aras S Memahami [2 markah]

(c) Terangkan kesan positif telekomunikasi terhadap pembangunan negara.

BAB 6
Buku Tekst
ms. 97

Maklumat dapat diperoleh dengan cepat dan mudah melalui Internet

Perkembangan pesat dalam telekomunikasi mewujudkan banyak peluang pekerjaan

Urusan perbankan dapat dijalankan di mana-mana sahaja

Aras S Menyalis [3 markah]

(d) Namakan **dua** alat telekomunikasi yang anda gunakan dalam pembelajaran.

Telefon pintar

Komputer

Aras R Mengingat [2 markah]

BAHAGIAN C 

Maklumat berikut berkaitan dengan pengangkutan awam di Malaysia.

Pengangkutan rel bersepadu:

- KTM Komuter
- Transit Aliran Ringan (LRT)
- Transit Aliran Massa (MRT)

1. (a) Mengapakah sistem pengangkutan awam tersebut diperkenalkan di kawasan Lembah Klang?

BAB 5
Buku Teks
ms. 85

Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas. MRT bergerak di atas rel. Hal ini dapat mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di jalan raya.

Meningkatkan mobiliti penduduk. Penggunaan MRT meningkatkan darjah ketersampaian ke sesuatu destinasi dengan cepat dan mudah.

Meminimumkan pencemaran udara. Penggunaan MRT dapat mengurangkan pembebasan asap dan gas kerana menggunakan tenaga elektrik.

Aras S Menganalisis [6 markah]

- (b) Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan masyarakat.

Kerajaan boleh melaksanakan sistem tiket bersepadu yang dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, iaitu penggunaan satu tiket atau kad untuk semua jenis pengangkutan awam. Penetapan harga tambang yang berpatutan dan berkemampuan juga dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Sekolah dicadangkan supaya memberikan pengetahuan tentang kebaikan menggunakan pengangkutan awam.

Aras T Mencipta [4 markah]

2. (a) Jelaskan faktor bentuk muka bumi yang mempengaruhi perkembangan jaringan pengangkutan di Malaysia.

BAB 5
Buku Teks
ms. 81

Jaringan pengangkutan seperti jalan raya dan lebuh raya mudah dibina di kawasan tanah pamah kerana keadaan tanah yang rata. Pembinaan jaringan pengangkutan adalah sukar di kawasan tanah tinggi kerana bentuk muka bumi yang tidak rata serta menelan kos yang tinggi. Kawasan pinggir laut yang berteluk sesuai dijadikan pelabuhan kerana terlindung daripada tiupan angin.

Aras S Menilai [5 markah]

BAB 5
Buku Teks
ms. 83

(b) Huraikan kepentingan pengangkutan darat kepada pembangunan Malaysia.

Pengangkutan darat dapat meningkatkan sektor perniagaan. Perkhidmatan kereta api kargo oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad dapat meningkatkan urusan perniagaan dan perdagangan. Contohnya, tren kargo menghubungkan pelabuhan di Semenanjung Malaysia dengan pelabuhan di Thailand. Pengangkutan darat juga memudahkan mobiliti penduduk dan mempercepatkan proses mengangkut bahan mentah ke kilang atau pasaran. Contohnya, Lebuhraya Utara-Selatan memudahkan penghantaran hasil ke negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia.

Aras T Menganalisis [5 markah]

3. (a) Terangkan kesan negatif perkembangan telekomunikasi terhadap masyarakat Malaysia.

BAB 6
Buku Teks
ms. 98

Fenomena penggodaman maklumat merupakan salah satu kesan negatif perkembangan telekomunikasi. Pencerobohan maklumat peribadi atau pencurian maklumat dalam sistem pangkalan data secara atas talian sering berlaku. Perkembangan telekomunikasi juga mewujudkan plagiarisme, iaitu mengambil bahan terbitan orang lain dan mengiktiraf sebagai bahan sendiri. Perkembangan telekomunikasi menyebabkan maklumat berunsur negatif sukar ditapis. Maklumat berunsur keganasan, hasutan dan khabar angin mudah tersebar dan sukar ditapis.

Aras S Menganalisis [6 markah]

(b) Pada pendapat anda, bincangkan langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengurangkan kesan negatif perkembangan telekomunikasi.

Pengguna harus menggunakan kata kunci yang lebih kuat. Kata kunci yang kuat perlu merangkumi gabungan nombor, huruf dan karakter khas agar tidak mudah diteka oleh penggadam. Pihak kerajaan harus menjalankan kempen kesedaran melalui bahan media atau laman sosial tentang perkongsian maklumat dan pelayaran laman sesawang yang berfaedah.

(Terima jawapan murid yang munasabah untuk Bahagian B dan Bahagian C)

Aras T Mencipta [4 markah]

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Skor

/80


Masa: Dua jam

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Rajah 1 menunjukkan pergerakan bumi.



Rajah 1

Apakah kesan pergerakan bumi seperti rajah di atas?

- I Pembiasan angin lazim
 - II Kejadian empat musim
 - III Gerhana matahari
 - IV Kejadian pasang surut
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2. Maklumat berikut berkaitan dengan kesan peredaran bumi mengelilingi matahari.

- Matahari tengah hari tegak di atas kepala di Garisan Jadi
- Berlaku pada 22 Disember

Apakah fenomena yang dapat dikaitkan dengan maklumat tersebut?

- A** Solstis musim sejuk
B Solstis musim panas
C Ekuinoks musim luruh
D Ekuinoks musim bunga


3. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri iklim di Malaysia?

- I Suhu rendah sepanjang tahun
 - II Min suhu tahunan tinggi, 27°C
 - III Jumlah hujan tahunan kira-kira 2 600 mm
 - IV Hujan maksimum semasa Monsun Barat Daya
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

4. Mengapakah cerun bukit kawasan pedalaman Sarawak menerima hujan tahunan melebihi 5 000 mm?

- A** Kawasan lindungan hujan
B Menghadap angin lembap
C Tekanan udara sangat tinggi
D Dihalang oleh tanah tinggi di Kalimantan

5. Apakah kesan terhadap kawasan berlorek apabila berlaku tiupan angin Monsun Timur Laut?



Peta 1 MALAYSIA

- A** Banjir **C** Kemarau
B Jerebu **D** Pulau haba

6. Mengapakah pembinaan lebuh raya penting kepada pembangunan Malaysia?

- I Menggalakkan integrasi nasional
 - II Mengendalikan import dan eksport
 - III Meningkatkan darjah ketersampaian
 - IV Mempercepat proses mengangkut bahan mentah
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

7. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah benar tentang Pelabuhan Tanjung Pelepas?

- A** Mempunyai perkhidmatan feri
B Dikenali sebagai Pusat Muatan Negara
C Terdiri daripada Northport dan Westport
D Terminal kontena paling canggih di Malaysia

8. Maklumat berikut merupakan perkhidmatan rel bersepadu di Malaysia.

- Monorel
- Transit Aliran Ringan (LRT)
- Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)

Apakah kepentingan pengangkutan awam tersebut?

- A** Membangunkan kawasan pedalaman
B Meminimumkan kadar kemalangan
C Mengurangkan pencemaran bunyi
D Mengurangkan kesesakan lalu lintas

9. Mengapakah pihak British memperkenalkan telegraf tersebut di Tanah Melayu?

- A** Mengirim pesanan dalam bentuk teks
B Memindahkan salinan dokumen
C Membuat panggilan kecemasan
D Menguruskan pentadbiran

10. Apakah kesan positif telekomunikasi terhadap pembangunan negara?
A Menggalakkan aktiviti plagiat
B Memudahkan pencerobohan maklumat
C Mewujudkan banyak peluang pekerjaan
D Maklumat berunsur negatif mudah ditapis
11. Apakah jenis iklim yang terdapat di zon panas sederhana?
 I China
 II Siberia
 III Khatulistiwa
 IV Mediterranean
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
12. Maklumat di bawah merujuk kepada sejenis iklim di Asia.

- Musim panas pendek dan sederhana sejuk, suhu kurang daripada 10°C
- Musim sejuk panjang dan sangat sejuk, -32°C hingga -5°C
- Hujan tahunan kira-kira 250 mm

Apakah kegiatan manusia yang sesuai dijalankan di kawasan beriklim tersebut?

- I Perikanan
 II Pemburuan
 III Pertanian
 IV Penternakan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
13. Apakah pelabuhan yang menjalankan operasi pemunggahan kargo di tengah laut (*at-sea loading*)?
A Pelabuhan Tokyo
B Pelabuhan Singapura
C Pelabuhan Hong Kong
D Pelabuhan Jawarharlal
14. Foto 1 menunjukkan sejenis pengangkutan di Asia.



Foto 1

Apakah keistimewaan sistem pengangkutan dalam Foto 1 di Jepun?

- I Kemalangan sifar
 II Tidak pernah lewat
 III Rekod kelajuan 350 km/j
 IV Kapasiti sebanyak 90 juta penumpang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Apakah aktiviti manusia yang menyebabkan pemanasan global?
A Penjana tenaga hidroelektrik
B Penanaman tanaman bergilir
C Pembakaran bahan api fosil
D Penggunaan baja kompos
16. Foto 2 menunjukkan aktiviti manusia yang menyebabkan pemanasan global.



Foto 2

Apakah jenis gas rumah hijau yang dihasilkan oleh aktiviti tersebut?

- A** Metana
B Nitrus oksida
C Sulfur dioksida
D Karbon dioksida
17. Bagaimanakah kesan pemanasan global dapat dikurangkan?
A Meneroka air bawah tanah
B Menanam pokok di sekitar rumah
C Memaksimumkan penggunaan penyaman udara
D Mengurangkan penggunaan pengangkutan awam
18. Antara yang berikut, produk yang manakah menepati konsep teknologi hijau?
A Baja urea
B Kereta hibrid
C Botol plastik
D Tin minuman
19. Bagaimanakah penggunaan teknologi hijau dapat meningkatkan kesihatan masyarakat?
 I Mengurangkan kos bahan api
 II Meningkatkan kualiti udara
 III Mengurangkan pencemaran bunyi
 IV Mengurangkan tenaga yang boleh diperbaharui
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20. Apakah amalan teknologi hijau yang dapat menjimatkan penggunaan tenaga?

- A** Penggunaan panel solar
B Penggunaan petrol berplumbum
C Penggunaan peralatan pakai buang
D Cabut plag peralatan elektrik yang perlu digunakan